

## BAB II

### *ISM FI'L* DALAM BAHASA ARAB

#### 2.0 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis akan membicarakan tentang bahasa Arab dan keistimewanya secara ringkas. Perkara yang akan disentuh seterusnya ialah pengenalan tentang kata dan ayat bahasa Arab serta penjelasan daripada ahli linguistik. Selain itu, penulis akan membincangkan tentang *ism fi'l* dengan menyatakan secara terperinci setiap jenis *ism fi'l* dan kaedah untuk mengenalpastinya.

Penulis akan menjelaskan peranan *ism fi'l* dan penggunaannya di dalam teks-teks Arab dengan tidak mengetepikan pandangan para nahuwan terhadap *ism fi'l* serta gambaran dan pendekatan mereka. Walau bagaimanapun, penulis terlebih dahulu akan memulakan bab ini dengan menyentuh pengelasan kata bahasa Arab sebagai gambaran dekat kepada bentuk kata yang menjadi fokus utama dalam kajian ini iaitu *ism fi'l*.

#### 2.1 Bahasa Arab dan Ciri-cirinya

Setiap insan memerlukan bahasa sebagai satu kemudahan berkomunikasi yang sistematik di antara satu sama lain. Tidak kira dari bangsa atau golongan yang mana pun, seseorang itu tetap mempunyai bahasa pertuturan sendiri yang turut terkesan dengan komuniti sekelilingnya.

Menurut Asmah Omar, bahasa tidak dapat dipisahkan dari orang yang menuturkannya. Sungguhpun pengwujudan pertuturan itu adalah hasil kegiatan seseorang sebagai individu, tetapi bahasa tidak dapat wujud dalam sesebuah masyarakat jika tidak digunakan oleh sekumpulan individu dalam hubungan mereka satu sama lain. Dalam bahasa, kita lihat sifat yang penting yang ada pada manusia sebagai makhluk sosial, iaitu sifat perkongsian.<sup>3</sup>

Bahasa merupakan lambang pertuturan atau penulisan atau kedua-duanya yang diperelok dan diperindah oleh manusia agar dapat menyatakan keinginan dan kemahuan manusia, bagi menjadi medium perantaraan dan persefahaman dengan orang lain. Dengan itu ia penting bagi setiap individu dan masyarakat...dan bahasa bagi setiap umat merupakan bahasa ibunda yang menyatakan cita-cita, penderitaan dan juga keinginan mereka.<sup>4</sup>

Justeru itu, bahasa dapat difahami sebagai satu sistem komunikasi yang melibatkan hubungan komunikasi bagi menyampaikan maksud yang diinginkan.

Apabila menyentuh tentang bahasa secara umum, kita tidak dapat lari daripada menyentuh tentang konstituen asas yang terdapat pada bahasa tersebut seperti kata nama, kata kerja, partikel dan sebagainya. Bagi bahasa Arab pula, ketiga-tiga konstituen ini sering disentuh apabila membabitkan perbincangan tentang ayat dan penjenisan kata dalam tatabahasa bahasa Arab. Tidak ketinggalan terdapat jenis kata dalam bahasa Arab

---

<sup>3</sup> Asmah Haji Omar. *Susur Galur Bahasa Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 1993. hlm 1.

<sup>4</sup> Zakaria Isma'il, *Turuq Tadris al-Lughat al-'Arabiyyat*, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyyat. Iskandariah. 1991. hlm 33.

yang digelar *ism fi'l* yang merupakan jenis kata nama namun berperanan sebagai kata kerja.

Kategori kata ini tidak didapati dalam bahasa-bahasa lain seperti bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang menjadikan bahasa Arab bahasa yang unggul di samping kelebihan-kelebihan dan keistimewaannya yang lain. Keistimewaan bahasa Arab begitu menonjol berbanding bahasa-bahasa yang terdapat di dunia apatah lagi apabila melihat sendiri kepada kedudukan bahasa Arab yang masih kukuh dan mapan.

Selain tidak dipinggirkan sejak zaman berzaman, bahasa Arab tidak mengalami kemunduran serta menjadi pilihan sebagai bahasa akidah dan bahasa keilmuan di kalangan anak bangsanya serta di kalangan orang Islam sendiri. Ini berkait rapat dengan al-Quran yang menggunakan bahasa Arab yang mana al-Quran merupakan suatu mukjizat yang dijanjikan Allah kekal walaupun cuba dibolos manusia yang berusaha mengubah isi kandungannya atau memutar belitkan bahasa yang digunakannya. Firman Allah s.w.t yang memberikan jaminan tentang kesucian al-Quran dan kemurnian al-Quran selamanya:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ<sup>5</sup>

Maksudnya:

*“Sesungguhnya Kami lah yang menurunkan al-Quran dan Kami yang memeliharanya dan menjaganya.”*

---

<sup>5</sup> al-Quran, *al-Hijr* 15:9

Bahasa Arab merupakan bahasa yang mempunyai nilai tersendiri di sisi umat Islam. Selain bahasa ini dikaitkan dengan unsur keagamaan melalui penurunan mukjizat al-Quran kepada rasul akhir zaman Muhammad s.a.w, ia juga dianggap sebagai bahasa yang indah dan begitu sempurna sehingga terpilih menjadi bahasa kitab suci al-Quran.

Keindahan dan ketinggian bahasa syurga ini boleh dilihat kepada beberapa ciri yang begitu ketara sepertimana yang ditegaskan oleh ilmuwan-ilmuwan terdahulu dan kini dalam penulisan-penulisan mereka.

Abdul Wakil Abdul Karim, menjelaskan beberapa ciri-ciri yang terdapat pada bahasa Arab iaitu pada sistem makhraj dan huruf-hurufnya, pada kosa kata yang ada pada derivasi-derivasi kata, pengayaan kosa kata, selain mempunyai kelebihan pada ayat-ayat dan stail penulisan. Beliau turut mengakui bahawa ilmuwan terdahulu telah mendapati bahawa kehebatan bahasa Arab dapat dilihat kepada kesempurnaan hurufnya, fonetiknya dan juga kepelbagaian makhrajnya.<sup>6</sup>

Bahasa Arab merupakan salah satu daripada bahasa-bahasa Sam dan begitu kukuh binaannya serta makna dan derivasi serta ungkapannya. Al-Quran al-karim diturunkan dengan salah satu daripada sehebat-hebat lahjah Arab di semenanjung Arab iaitu lahjah Quraish.<sup>7</sup>

---

<sup>6</sup> Lihat *Zahirat al-ʿArab fī al-ʿArabiyyat*, Manshurat Jamʿiyyat al-Daʿwat al-Islamiyyat al-ʿAlamiyyat, Libya. 1988.

<sup>7</sup> Zakaria Ismaʿil, *Turuq Tadris al-Lughat al-ʿArabiyyat*, Dar al-Maʿrifat al-Jamiʿiyyat, Iskandariah. 1991. hlm 35-36.

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ حُكْمًا عَرَبِيًّا وَلَئِنِ اتَّبَعْتَ أَهْوَاءَهُمْ بَعْدَ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ مَا لَكَ مِنَ اللَّهِ مِنْ وِثْرٍ  
وَلَا وَاقٍ<sup>8</sup>

Maksudnya:

*“Dan demikianlah Kami menurunkan al-Quran itu sebagai hukum dalam bahasa Arab. Dan demi sesungguhnya, jika engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak hawa nafsu mereka setelah datang wahyu pengetahuan (tentang kebenaran), maka tiadalah engkau peroleh dari Allah sesuatupun yang dapat mengawal dan memberi perlindungan kepadamu (dari perkara-perkara yang tidak diinginkan). ”*

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِّسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ أَعْجَمِيٌّ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُبِينٌ<sup>9</sup>

Maksudnya:

*“Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahawa mereka yang musyrik itu berkata: “Sesungguhnya dia diajarkan oleh seorang manusia. (Padahal) bahasa orang yang mereka sandarkan tuduhan kepadanya itu ialah bahasa asing, sedang al-Quran ini berbahasa Arab yang fasih dan nyata”.*

وَكَذَلِكَ أَنْزَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا وَصَرَّفْنَا فِيهِ مِنَ الْوَعِيدِ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ أَوْ يُحْدِثُ لَهُمْ ذِكْرًا<sup>10</sup>

Maksudnya:

*“Dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Quran sebagi bacaan dalam bahasa Arab, dan Kami telah terangkan di dalamnya berbagai-bagai amaran*

---

<sup>8</sup> al-Quran, *al-Ra'd* 13:37

<sup>9</sup> al-Quran, *al-Nahl* 16:103

<sup>10</sup> al-Quran, *Taha* 20:113

supaya mereka (umat manusia seluruhnya) bertakwa, atau mereka mendapat daripadanya sesuatu peringatan bagi faedah mereka.”

وَلَقَدْ ضَرَبْنَا لِلنَّاسِ فِي هَذَا الْقُرْآنِ مِنْ كُلِّ مَثَلٍ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ.  
قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ<sup>11</sup>

Maksudnya:

“Dan demi sesungguhnya! Kami telah mengemukakan kepada umat manusia berbagai misal perbandingan dalam al-Quran ini supaya mereka mengambil peringatan dan pelajaran. Iaitu al-Quran yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong; supaya mereka bertakwa.”

كِتَابٌ فَصَّلَتْ آيَاتُهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ<sup>12</sup>

Maksudnya:

“Sebuah Kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu; iaitu al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab bagi faedah orang-orang yang mengambil tahu dan memahami kandungannya.”

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَتُنذِرَ أُمَّ الْقُرَى وَمَنْ حَوْلَهَا وَتُنذِرَ يَوْمَ الْجُمُعِ لَا رَيْبَ فِيهِ فَرِيقٌ فِي  
الْجَنَّةِ وَفَرِيقٌ فِي السَّعِيرِ<sup>13</sup>

Maksudnya:

“Dan sebagaimana Kami tetapkan engkau hanya penyampai, Kami wahyukan kepadamu Al-Quran dalam bahasa Arab, supaya engkau memberi peringatan dan

---

<sup>11</sup> al-Quran, al-Zumar 39:27-28

<sup>12</sup> al-Quran, Fussilat 41:3

<sup>13</sup> al-Quran, al-Shura 42:7

amaran kepada (penduduk) Ummul Qura dan sekalian penduduk dunia di sekelilingnya, serta memberi peringatan dan amaran mengenai hari perhimpunan (hari kiamat) yang tidak ada syak tentang masa datangnya; (pada hari itu) sepuak masuk syurga dan sepuak lagi masuk neraka.”

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا عَرَبِيًّا لَّعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ<sup>14</sup>

Maksudnya:

“Sesungguhnya Kami jadikan Kitab itu sebagai al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab supaya kamu (menggunakan akal) memahaminya.”

وَمِن قَبْلِهِ كِتَابُ مُوسَى إِمَامًا وَرَحْمَةً وَهَذَا كِتَابٌ مُّصَدِّقٌ لِّسَانًا عَرَبِيًّا لِّيُنذِرَ الَّذِينَ ظَلَمُوا وَبُشْرَى  
لِّلْمُحْسِنِينَ<sup>15</sup>

Maksudnya:

“Bagaimana mereka tergamak mengatakan al-Quran ini rekaan dusta yang telah lama?) Padahal telah ada sebelumnya Kitab Nabi Musa yang menjadi ikutan dan rahmat (kepada umatnya); dan al-Quran pula sebuah Kitab - yang mengesahkan kebenaran (kitab-kitab yang telah lalu), - diturunkan dalam bahasa Arab untuk memberi amaran kepada orang-orang yang zalim, dan berita gembira bagi orang-orang yang membuat kebaikan.”

Ayat-ayat tersebut menunjukkan bahawa Allah Taala memilih bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran. Justeru, ia juga merupakan bahasa agama Islam iaitu orang-orang Islam kesemuanya di setiap zaman dan tempat. Melihat kepada kemukjizatan al-

---

<sup>14</sup> al-Quran, *al-Zukhruf* 43:3

<sup>15</sup> al-Quran, *al-Akhqaf* 46:12

Quran yang menggunakan bahasa Arab, ia turut mencetuskan semangat penulis untuk melakukan kajian *ism fi'l* yang terdapat di dalam kitab suci ini.

## 2.2 Kata dan Ciri-ciri Kata Bahasa Arab

### 2.2.1 Definisi Kata ( الْكَلِمَةُ )

Kata adalah lafaz yang dicipta untuk makna sesuatu namun, juzuknya tidak menggambarkan terhadap maknanya. Contoh kata كِتَابٌ (buku) ia merujuk makna zatnya tersendiri tanpa menunjukkan makna mana-mana huruf dari perkataan tersebut. Mungkin boleh kita katakan juga bahawa perkataan ialah pengucapan yang menunjukkan makna *mufrad* (satu). Kata dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu: kata nama, kata kerja dan partikel. Para nahuwan menyatakan setiap bahagian tersebut mempunyai tanda-tandanya yang tersendiri yang membezakannya antara satu sama lain.<sup>16</sup>

Mahmud Husniyy mendefinisikan kata sebagai suatu lafaz menunjukkan kepada sesuatu yang tertentu<sup>17</sup>. Zain Kamil pula, menjelaskan kata sebagai suatu lafaz *mufrad* yang diletakkan untuk menunjukkan makna yang satu di mana ketika lafaz ini disebut maksud yang diinginkan difahami. Contoh: زَيْدٌ (Zaid), أَسَدٌ (singa), شَجَرَةٌ (pokok).<sup>18</sup>

### 2.2.2 Definisi Kata Nama

Asmah Haji Omar mendefinisikan kata nama seperti berikut :

---

<sup>16</sup>Ahmad al-Hashimiyy, *Al-Qawa'id al-Asasiyyat li al-lughat al-'Arabiyyat hasb manhaj "Matan al-Alfiyyat" li Ibn Malik wa Khulasat al-Shurrah li ibn-Hisham wa Ibn Aqil wa al-Ashmuni*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, Beirut, 1998, hlm 8.

<sup>17</sup> Mahmud Husniyy, *Al-Nahw al-Shafiyy*, Muassasat al-Risalat, Beirut, 1997, hlm 13.

<sup>18</sup> Lihat: *Durus fi al-Nahw wa al-Sarf*: Zain Kamil, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyyat, Kaherah, 1992. hlm 383.

- 1) Kata nama adalah sub golongan kata benda yang boleh berfungsi pada subjek dan objek ayat.
- 2) Dari segi makna, kata nama adalah kata yang merujuk kepada sesuatu, baik bernyawa atau tak bernyawa, konkrit atau abstrak.

Kata nama memasuki sistem terbuka. Buktinya, sebahagian besar dari perkataan yang baru, baik yang dicipta (misalnya istilah) mahupun yang dipinjam, kebanyakannya terdiri daripada kata nama. Juga dalam bahasa Melayu sendiri, kata nama terbitan boleh dicipta dari kata kerja dan kata sifat dengan penambahan.<sup>19</sup>

Kata nama ialah segala perkataan yang menyebut benda, tempat, orang atau binatang. Jumlah kata nama dalam sesuatu bahasa besar sekali sehingga tidak terbilang banyaknya. Itulah sebabnya ahli bahasa menganggap kata nama sebagai golongan kata yang terbuka. Artinya kita sentiasa boleh mencipta kata nama yang baru apabila muncul benda atau ciptaan baru.<sup>20</sup>

Melihat kepada Sulaiman Masri *et al*, kata nama menyatakan nama bagi orang, benda, binatang, tempat dan konsep khusus<sup>21</sup> manakala definisi kata nama bagi Mahmud Husniyy ialah sesuatu yang menunjukkan zatnya, maknanya atau peristiwa dan dibahagikan kepada beberapa bahagian :<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup> Asmah Haji Omar, *Nahu Melayu Mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993. hlm 27.

<sup>20</sup> Liaw Yock Fang, Abdullah Hassan, *Nahu Melayu Moden*, Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd, Selangor, 1994 hlm 4.

<sup>21</sup> Lihat: Sulaiman Masri *et al*, *Bahasa Melayu Dimensi Pengajaran dan Pembelajaran*, Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 2006. hlm 19.

<sup>22</sup> Lihat: *Al-Nahw al-Shafiiyy*, Mahmud Husniyy, Muassasat al-Risalat, Beirut. 1997. hlm 14.

- <i>Damir</i>	( ضمير )	: هُوَ, أَنْتَ, إِيَّاكَ
- <i>Al-ism al-mausul</i>	( الاسم الموصول )	: الَّذِي, الَّتِي, الَّذِينَ
- <i>Ism al-isharat</i>	( اسم الإشارة )	: هَذَا, ذَلِكَ, هُوَءَاءِ, أَوْلَئِكَ
- <i>Ism al-istifham</i>	( اسم الاستفهام )	: مَنْ, كَيْفَ, مَتَى, مَا, أَيُّ
- <i>Ism al-shart</i>	( اسم الشرط )	: مَنْ, كَيْفَ, مَتَى, مَا, أَيُّ
- <i>Ism al-fi'l</i>	( اسم الفعل )	: صَهْ, هِيَهَاتَ, أَفَ, أَمَامَكَ, هِيََا

### 2.2.3 Ciri-ciri Kata Nama Bahasa Arab

Seandainya kita ingin mengenali kata nama, sebenarnya terdapat beberapa tanda yang boleh membezakannya dengan kata kerja dan partikel. Antaranya ialah:

#### 2.2.3.1 Tanda *ism*

Terdapat perbezaan antara kata nama dengan kata kerja dan partikel antaranya melalui tanda-tanda berikut:

##### 1- *Jarr* (الجر)

Ia meliputi :

a) *Jarr* dengan partikel preposisi .Contoh:

أَلَّا تَطَّعُوا فِي الْمِيزَانِ

Maksudnya:

“Supaya kamu tidak melampaui batas dalam menjalankan *keadilan*.”<sup>23</sup>

<sup>23</sup> al-Quran, *al-Rahman* 55:8

Perkataan الميزان menjadi kata nama selepas preposisi dengan partikel في. Manakala tanda genetifnya ialah *kasrat* (baris bawah).

b) *Jarr* dengan cara *idafat*. Contoh:

هَذَا يَوْمُ الْفَصْلِ جَمَعْنَاكُمْ وَالْأَوَّلِينَ<sup>24</sup>

Maksudnya:

“Inilah hari *pemutusan* hukum (yang menentukan siapa yang benar dan siapa yang salah) Kami himpulkan bersama orang-orang yang terdahulu.”

Perkataan الفصل menjadi *mudaf ilayh* bagi kata nama يوم dalam keadaan genetif dan tanda genetifnya ialah *kasrat*.

c) *Jarr* dengan *tawabi'*. Contoh:

قُلْ إِنِّي هَدَانِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ<sup>25</sup>

Maksudnya:

“Katakanlah (wahai Muhammad): Sesungguhnya aku telah diberikan petunjuk hidayah oleh Tuhanku ke jalan yang betul lurus.”

Merujuk ayat di atas, مُسْتَقِيمٍ menjadi adjektif bagi kata nama صِرَاطٍ. Manakala ayat-ayat yang disebut sebelumnya, secara keseluruhannya terdapat contoh-contoh kata nama dalam keadaan sandaran, adjektif dan genetif yang mana kesemuanya berada dalam

<sup>24</sup> al-Quran, *al-Mursalat* 77:38

<sup>25</sup> al-Quran, *al-An'am* 6:161

keadaan *mudaf* dan bukannya *mudaf ilayh* memandangkan *mudaf ilayh* boleh berlaku dalam bentuk frasa dan bukannya satu perkataan sahaja seperti yang disebutkan tadi.

## 2- Tanwin

*Nun* mati yang ditambah, diletakkan pada kata nama secara lafaz. Ia tidak dinyatakan (kerana dibuang) secara tulisan dan ketika *waqaf* (berhenti dalam sesuatu bacaan). Ataupun *nun* bertanda mati yang ditambah di akhir kata nama secara pertuturan bukan tulisan, yang boleh diumpamakan seperti berikut <sup>26</sup>:

كتَابُنْ, di mana كتاب disebut dengan كتابُ هذا

كتَابِنِ, di mana كتابٌ disebut dengan اشتريتُ كتاباً

كتَابِيْنِ, di mana كتابٍ disebut dengan فرأتُ في كتابٍ

## 3- Boleh menerima *alif* dan *lam* (ال)

Ibn Hisham menjelaskan *alif* dan *lam* (ال) yang dimaksudkan ialah *alif* dan *lam* (ال) bukan *mawsul*, seperti الفرسُ (kuda), العُلامُ (budak) manakala *alif* dan *lam* (ال) *mawsul* ia kadang-kadang masuk pada *mudari*.<sup>27</sup>

<sup>26</sup> Mahmud Sulaiman Yaqut, *Al-Nahw al-Ta'limiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*, Dar al-Ma'rifat al-Jam'iyyat, Iskandariah, t.t, hlm 12.

<sup>27</sup> Ibn Hisham al-Ansariyy, *Awdah al-Masalik ila Alfiyyat Ibn Malik*, Dar al-Kitab al-'Arabiyy, Beirut, 1991, hlm 24.

#### 4- *Al-Isnad Ilayh* ( الإسناد إليه )

Maksud *al-isnad ilayh* ialah sandaran kepada kata nama yang menyempurnakannya, di mana *musnad* sama ada kata kerja, kata nama atau ayat. Kata nama pada situasi tersebut ialah *musnad ilayh*. Tidak harus menyandarkan kepada kata kerja atau partikel. Contoh *al-isnad ilayh*: جَاءَ الطَّالِبُ ( telah datang seorang pelajar lelaki). Maka الطَّالِبُ ialah pelaku yang nominatif, tanda kenominatifannya baris *dammah* merupakan *musnad ilayh*, justeru ia adalah kata nama. Kata kerja جَاءَ pula ialah *musnad*. Jika menyebut : الْحَقُّ مَحْبُوبٌ (kebenaran itu disukai) الْحَقُّ ialah *musnad* dan مَحْبُوبٌ *musnad ilayh*. Justeru perlu kita ketahui bahawa subjek dalam tatabahasa Arab ialah *musnad ilayh* manakala predikat ialah *musnad*.<sup>28</sup>

#### 2.2.4 Kata Kerja Bahasa Arab dan Ciri-cirinya

Kata kerja digunakan untuk menunjukkan perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu. Terdapat dua jenis kata kerja dari sudut keperluan kepada sajak iaitu: kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif.

Kata yang menunjukkan peristiwa dikaitkan dengan masa. Dalam bahasa Arab, kata kerja secara umumnya dibahagikan kepada tiga.

Kata kerja yang dimaksudkan sama ada kata kerja kala lepas, iaitu yang menerima *ta' ta'nith* yang bertanda mati seperti قَامَتْ (dia seorang perempuan telah berdiri) , قَعَدَتْ

---

<sup>28</sup> Mahmud Sulaiman Yaqut, *Al-Nahw al-Ta'limiyah wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*, Dar al-Ma'rifat al-Jam'iyyat, Iskandariah, t.t, hlm 15.

(dia seorang perempuan telah duduk) dan di antaranya juga ialah نَعِمَ (untuk pujian) , بَسَّ (untuk kejian) , عَسَى (moga-moga), لَيْسَ (bukan) atau kata kerja perintah iaitu yang menunjukkan kepada permintaan yang menerima ya' mukhatabat seperti قُومِي (duduklah kamu perempuan) dan antaranya ialah هَاتِي (bawalah) dan تَعَالِي (marilah) atau kata kerja kala kini/akan datang iaitu yang menerima مَ (tidak) seperti مَ يَكْتُبُ (dia seorang lelaki tidak berdiri)...<sup>29</sup>

#### 2.2.4.1 Kata kerja kala kini/akan datang

Kata kerja jenis ini ialah kata kerja perbuatan yang sedang berlaku atau akan berlaku dan tanda-tandanya ialah ia menerima مَ (tidak) contohnya مَ يَكْتُبُ (dia seorang lelaki tidak menulis), مَ يَخْرُجُ (dia seorang lelaki tidak keluar). Sekiranya sesuatu perkataan itu menunjukkan perbuatan seperti di atas tetapi tidak menerima مَ maka ia merupakan *ism fi'l mudari'* contohnya: أَوْهٌ untuk makna mengerang sakit , أَفٌّ untuk makna tidak senang, tidak suka dan وَيٌّ untuk makna terkejut dan hairan.<sup>30</sup>

#### 2.2.4.2 Kata kerja kala lampau

Kata kerja jenis ini pula ialah kata kerja yang menunjukkan perbuatan yang telah berlaku dan tanda-tanda kata kerja ini ialah ia boleh bersambung dengan ta' pelaku dan ta' ta'nith yang berbaris mati seperti: حَضَرْتُ (saya telah hadir) , حَضَرْتُ (dia seorang perempuan telah hadir), بَجَّحْتُ (saya telah berjaya) dan بَجَّحْتُ (dia seorang perempuan telah berjaya) . Sekiranya sesuatu perkataan menunjukkan perbuatan seperti di atas tetapi

<sup>29</sup> Abdul Ghaniyy, *Sharah Shudhudh al-Dhahab fi Ma'rifat Kalam al-'Arab*, Dar al-Kutub al-'Arabiyyat, t.t.mpt, t.t.hlm 24-25

<sup>30</sup> Abdul Hamid al-Sayyid Tilib, *Tahdhib al-Nahwiyy*. Jilid 1. Al-Sadr li al-Khidmat al-Tabaat, Kaherah, 1991, hlm 15-16.

tidak boleh bersambung dengan salah satu dari *ta'* tersebut maka ia adalah *ism fi'l madi* seperti هَيْهَاتَ yang maknanya sangat jauh dan شَتَّانَ yang bermakna sangat berbeza.<sup>31</sup>

### 2.2.4..3 Kata kerja perintah

Kata kerja jenis ini ialah kata kerja yang menunjukkan permintaan merealisasikan sesuatu perbuatan dan tanda-tanda kata kerja ini ialah ia menerima *nun tawkid* selain mempunyai *dilalat* kata kerja perintah pada polanya.<sup>32</sup> Sekiranya sesuatu perkataan itu menerima fonem *nun* namun tidak menunjukkan makna perintah maka ia ialah kata kerja kala kini/akan datang seperti pada firman Allah لَيْسَجَنَّ وَيَكُونَا (surah *Yusof*:32). Sekiranya menunjukkan makna perintah namun tidak menerima *nun* ia merupakan *ism fi'l* seperti نَزَالِ (turunlah!).<sup>33</sup>

## 2.3 *Ism fi'l* dalam Bahasa Arab

### 2.3.1 Definisi *ism fi'l*

Sebelum membincangkan dengan lebih terperinci mengenai *ism fi'l*, beberapa definisi yang dibawa oleh para nahuwan akan disentuh untuk melihat kepelbagaian bentuk takrif yang masih mempunyai makna yang sama cuma garapan sahaja berbeza.

Menurut Abbas Hasan,<sup>34</sup> *ism fi'l* dalam bahasa Arab ialah lafaz-lafaz yang menunjukkan perbuatan iaitu yang mempunyai penentuan masa dan maknanya serta

---

<sup>31</sup> *Ibid*

<sup>32</sup> *Ibid*

<sup>33</sup> Ibn Hisham al-Ansariyy, *Awdah al-Masalik ila Alfiiyyat Ibn Malik*, Dar al-Kitab al-'Arabiyy, Beirut, 1991, hlm 27.

<sup>34</sup> Abbas Hasan, *al-Nahw al-Wafi*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1999. hlm 140.

berfungsi seperti halnya namun tidak menerima sebarang tanda seperti halnya yang ada pada kata kerja. Takrif ini seumpama takrif yang diketengahkan oleh Aiman Amin Abdul Ghaniyy, yang menyebut:

*“Ism fi’l ialah ism yang menunjukkan makna kata kerja dan berfungsi sebagai kata kerja namun tidak menerima sebarang tanda yang ada pada kata kerja dan tanda-tanda jenisnya.”*<sup>35</sup>

Ahmad al-Hashimiyy menjelaskan *ism fi’l* sebagai sesuatu yang menggantikan kata kerjanya ketika aplikasi serta tidak terkesan dengan ‘*awamil* dan tidak menerima tanda-tanda atau ciri-ciri kata kerja. Tujuan *ism fi’l* adalah sebagai ringkasan untuk makna bersangatan dan makna penegasan.<sup>36</sup>

Definisi yang agak ringkas dinyatakan oleh Shawqiyy Dayf iaitu *ism fi’l* ialah kata nama pada gambarannya, dan ia mempunyai *dilalat* kata kerja.<sup>37</sup>

Bagi Imil Badi‘ Ya‘qub pula, beliau mendefinisikan *ism fi’l* kata nama yang menunjukkan kepada kata kerja tertentu, yang mengandungi maknanya, masanya, fungsinya tanpa menerima tanda-tanda/ciri-ciri kata kerja atau terkesan dengan ‘*awamil*.<sup>38</sup>

Melihat kepada Ahmad Qibbish, *ism fi’l* ialah perkataan yang menunjukkan kata kerja. Maka *ism fi’l* menominatiskan pelaku dan mengakusatifkan objek. Walau

---

<sup>35</sup> Lihat: *Al-Nahw al-Kafi*. Aiman Amin Abd Ghaniyy, Dar Ibn Khaldun, Iskandariah, 2002. hlm 663.

<sup>36</sup> Lihat: *Al-Qawa'id al-Asasiyyat li al-lughat al-'Arabiyyat hasb manhaj "Matan al-Alfiyyat" li Ibn Malik wa Khulasat al-Shurrah li ibn-Hisham wa Ibn Aqil wa al-Ashmuni*: Ahmad al-Hashimiyy, 1998, hlm 256.

<sup>37</sup> Shawqiyy Dayf. *Tajdid al-Nahwi*. Dar al-Ma'arif, Kaherah, 2003. hlm 120.

<sup>38</sup> *Mawsu'at al-Nahw wa al-Sarf wa al-'rab*. hlm 70.

bagaimanapun, ia tidak menerima sebarang tanda kata kerja selain makna *ism fi'l* melebihi makna kata kerja yang asal yang mana makna yang terhasil lebih kukuh.<sup>39</sup>

*Ism fi'l* juga didefinisikan sebagai perkataan menunjukkan kepada kata kerja yang tertentu yang mengandungi makna kata kerja, masa dan fungsinya. Ia tidak dinamakan kata nama semata-mata kerana ia tidak menunjukkan makna kata nama yang tidak terikat dengan masa. *Ism fi'l* juga tidak dinamakan kata kerja semata-mata kerana ia tidak menerima sebarang tanda kata kerja. Ia juga tidak terkesan dengan *'awamil* dan *mabniyy*; tiada kedudukannya dalam *i'rab*.<sup>40</sup>

Melalui definisi-definisi yang dinyatakan tadi, secara ringkasnya dapat difahami bahawa *ism fi'l* ialah kata nama yang mempunyai fungsi kata kerja, tiada kedudukannya dalam *i'rab* selain mempunyai makna yang lebih tegas dan teguh berbanding kata kerja.

Selain itu, dikatakan rahsia di sebalik penggunaan *ism fi'l* dalam bahasa sekalipun wujud kata kerja seumpama maknanya ialah menunjukkan kepada *mubalaghat* pada makna yang asal lebih daripada makna kata kerja yang seumpama dengannya. Contohnya, jika disebut آه memberi makna 'sangat sakit' berbanding penggunaan perkataan أَتَوَجَّعُ (saya sakit) iaitu jika digunakan perkataan أَتَوَجَّعُ mestilah dengan pertambahan تَوَجَّعًا untuk memberi makna sama dengan *ism fi'l* yang bermakna sangat sakit. Iaitu أَتَوَجَّعُ تَوَجَّعًا : آه.

---

<sup>39</sup> Ahmad Qibbish, *Al-Kamil fi al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*, Dar al-Jayl, Beirut. t.t. hlm 258.

<sup>40</sup> Abduh al-Rajih, *al-Tatbiq al-Nahwiyy*, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyyat, t.t. hlm 56.

### 2.3.2 Ciri-ciri *ism fi'l*

*Ism fi'l* mempunyai sifat-sifat seperti berikut sepertimana yang dinyatakan oleh Mahmud Husniyy:

- 1) Maknanya mestilah makna kata kerja sama ada kata kerja kala lepas atau kata kerja kala kini atau kata kerja perintah.
- 2) Penggunaan *ism fi'l* sebagai kata kerja tak transitif atau kata kerja transitif.
- 3) *Ism fi'l* tidak menerima tanda-tanda kata kerja.

*Ism fi'l* tidak menerima tanda-tanda kata kerja, tidak menerima *damir* seperti *ta'*, *alif muthanna*, *waw* jamak, *ya'* *mukhatabat*. *Ism fi'l* juga tidak menerima *ta' ta'nith*, partikel *لَمْ* ketika *mudari'*.<sup>41</sup>

*Ism fi'l* berada pada kedudukan yang setara sama ada ketika *mufrad*, duaan, jamak, maskulin mahupun feminin kecuali terdapatnya *kaf khitab* seperti: *إِلَيْكَ*, *عَلَيْكَ* maka *ism fi'l* berubah mengikut keadaan. Perkataan *ism fi'l* *عَلَيْكُمْ*, *عَلَيْكُمْ*, *عَلَيْكُمْ*, semuanya adalah *sama'iy* kecuali pola *فَعَالٍ* seperti *نَزَالٍ*, *قِتَالٍ* diqiaskan dari kata kerja *thulathiyy* yang berubah-ubah dan bukan *naqis* iaitu (*tam mutasarriif* seperti *fi'l madi*, *mudari'*, *amr* dan *asma' mushtaqqat*).<sup>42</sup>

<sup>41</sup> Mahmud Husniyy, *Al-Nahw al-Shafi'*- Muassasat al-Risalat, Beirut, 1997, hlm 415

<sup>42</sup> Muhammad Ali Taha al-Durrat, *Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat*, Dar al-Irshad, Hims, 1980, hlm 23.

*Ism fi'l* tidak berubah-ubah bahkan ia terdiri daripada satu lafaz yang merangkumi makna semua. Walau bagaimanapun, terdapat juga lafaz *damir* yang bersambung dengan *ism fi'l* bagi menunjukkan tanda feminin, tanda duaan dan jamak (terhad untuk *damir mukhatab*).<sup>43</sup>

## 2.4 Pengelasan *ism fi'l* mengikut makna dan jenis

### 2.4.1 *Ism fi'l* mengikut jenis yang menunjukkan makna kata kerja

Para nahuwan telah membahagikan *ism fi'l* mengikut makna kata kerja seperti berikut:

#### 1) *Ism fi'l amr*

*Ism fi'l amr* menunjukkan makna kata kerja perintah, ia tidak menerima sebarang tanda yang menunjukkan kata kerja perintah seperti *ya' mukhatabat* atau *nun tawkid*.<sup>44</sup>

*Ism fi'l amr* seperti *صَهْ* bermakna : diamlah!, dan dalam hadith:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ وَالْإِمَامِ يَخْطُبُ صَهْ فَقَدْ لَعَوْتَ

(Rasulullah s.a.w bersabda: “*Sekiranya engkau menyebut kepada temanmu diamlah! ketika imam sedang berkhotbah maka terbatallah pahala jumaatmu.*”)...<sup>45</sup>

<sup>43</sup> Al-Sayyid Ahmad al-Hashimiyy, *Al-Qawa'id al-Asasiyyat li al-Lughat al-'Arabiyyat Hasb Manhaj Matan Alfiiyyat li Ibn Malik*- Dar al-Kutub al-'Ilmiyyat, Beirut, 1354 H, hlm 335.

<sup>44</sup> Mahmud Sulaiman Yaqut, *al-Nahw al-Ta'limiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyyat, Iskandariah. t.t. hlm 299.

<sup>45</sup> Ibn Hisham al-Ansariyy, *Qatr al-Nada wa Ball al-Sada*, Dar al-Kitab al-Misriyy, Kaherah, 1992. hlm 244.

Sesungguhnya sabda Rasulullah s.a.w pada hadith di atas *اسكت صه* bermaksud *اسكت* (diamlah!) kedua-dua kata tersebut seperti dapat diperhatikan ialah kata kerja perintah wajib.

## 2) *Ism fi'l mudari'*

*Ism fi'l mudari'* menunjukkan makna kata kerja kala kini/akan datang tanpa menerima tanda-tandanya seperti *sin* atau *سَوْفَ* (akan) atau partikel *لَمْ*.<sup>46</sup>

Seperti *أَفَّ* (*أَتَضَجَّرُ*) dan *وَيَّ* (*أَعْجَبُ*). Ia sentiasa tidak berubah dan mempunyai pelaku tersembunyi dan ia seumpama kata kerjanya ketika transitif dan tak transitif.<sup>47</sup>

## 3) *Ism fi'l madi*

*Ism fi'l madi* menunjukkan makna kata kerja kala lampau tanpa menerima sebarang tandanya seperti *ta'* pelaku, atau *ta' ta'nith al-sakinat*<sup>48</sup> seperti *هَيْهَاتَ* dan *سَتَّانَ*. Jenis *ism fi'l* ini sentiasa tidak berubah. Contohnya:<sup>49</sup>

*هَيْهَاتَ هَيْهَاتَ لِمَا تُوعَدُونَ*<sup>50</sup>

Maksudnya:

**“*Jauh, amatlah jauh* (dari kebenaran) apa yang dijanjikan kepada kamu itu!”**

<sup>46</sup> Mahmud Sulaiman Yaqt, *al-Nahw al-Ta'limiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyat, Iskandariah, t.t. hlm 299.

<sup>47</sup> *Mawsu' al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*, Dar al-Ilm li al-Milyin, Beirut, 1988. hlm 71.

<sup>48</sup> Mahmud Sulaiman Yaqt, *al-Nahw al-Ta'limiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyat, Iskandariah, t.t. hlm 299.

<sup>49</sup> Imil Badi' Ya'qub, *Mawsu'at al-Nahw wa al-Sarf wa al-i'rab*, Dar al-'Ilm li al-Milyin, Beirut, 1988. hlm 70-71.

<sup>50</sup> al-Quran, *al-Mu'minin* 23:36.

## 2.4.2 Jenis-jenis *ism fi'l* mengikut asalnya yang menunjukkan kepada kata kerja:

Jenis-jenis *ism fi'l* mengikut asalnya yang menunjukkan kepada kata kerja terbahagi kepada tiga <sup>51</sup>:

### 1) *Ism fi'l murtajal* (مُرْتَجَل)

Sesuatu yang ditentukan sejak awal lagi sebagai *ism fi'l* seperti:

هُيْهَاتَ, أَفٍّ, آمِينَ, شَتَّانَ. Kesemuanya adalah *sama'iy* dan bukan diqiaskan.

### 2) *Ism fi'l manqul* (مَنْقُول)

Sesuatu yang ditentukan sejak awal lagi untuk makna tertentu, kemudian dipinda menjadi *ism fi'l*. Ia dipinda sama ada dari partikel *jarr* dan *majrur* seperti:

( خُذْ, اِتَّبِعْ ) ( إِلَيْكَ , ( الزَّمِّ , اِعْتَصِمْ ) عَلَيْكَ , ( أَقْبِلْ ) إِلَيَّ )

atau dipinda dari partikel *zarf makan* seperti:

( تَأَخَّرْ ) وَرَاءَكَ , ( اثْبَتْ ) مَكَانَكَ , ( خُذْ ) عِنْدَكَ

atau dipinda dari kata terbitan seperti:

( تَمَهَّلْ ) رُوَيْدًا , ( ائْتِرْكَ ) بَلَاءً

*Damir khitab* yang terselit pada *ism fi'l* yang dipinda adalah berubah-ubah mengikut kata ganti diri untuk satu, duaan dan jamak juga mengikut feminin dan maskulinnya seperti:

---

<sup>51</sup> *Ibid*

( دُونَكَ, دُونَكَ, دُونَكُمَا, دُونَكُمَا...الْكِتَابِ )

Biasanya *ism fi'l* dipinda dari partikel *jarr* dan *majrur*, partikel *zarf* dan *zarf makan*. *Ism fi'l* yang dipinda adalah *sama'iyy* dan bukan *qiyasiyy*.

### 3) *Ism fi'l ma'dul* (مَعْدُول)

*Ism fi'l ma'dul* dari kata kerja perintah seperti: (انزل), حَذَارِ (احذر) yang mana ia adalah *qiyasiyy* yang berlaku pada setiap kata kerja *thulathiyy tam mutasarrif*<sup>52</sup>.

#### 2.4.3 *Ism Fi'l* Dalam Bahasa Arab

Sebelum membincangkan tentang *ism fi'l* yang terdapat di dalam al-Quran dalam bab III, penulis ingin membawakan senarai *ism fi'l* yang boleh disenaraikan dan didapati pada teks-teks bahasa Arab. Antaranya dapat dilihat pada jadual-jadual berikut:

---

<sup>52</sup> *Tam mutasarrif* seperti *fi'l madi*, *mudari'*, *amr* dan *asma' mushtaqqat*.

**Jadual 2.1: Senarai *Ism Fi'l Amr***

Bil	Perkataan	Makna <i>Amr</i>	Terjemahan
1	مَهْ مَهْ	اَكْفُفْ	Diamlah!, Berhentilah dari berbicara!
2	صَهْ	اُسْكُتْ	Diamlah!
3	هَلُمَّ	اَقْبِلْ, تَعَالَ	Marilah!
4	عَلَيْكَ	الرِّمِّ	Wajib bagimu!
5	مَكَانَكَ	اَثْبُتْ	Tetaplah!
6	وَرَاءَكَ	تَأَخَّرْ	Undurlah ke belakang!
7	دُونَكَ	خُذْ	Ambillah!
8	بَسَّ	اَكْتَفِ	Sudahlah!
9	لَدَيْكَ	خُذْ	Ambillah!
10	حَيَّ	اَقْبِلْ, عَجِّلْ	Marilah!
11	هَاكَ	خُذْ	Ambillah!
12	على الأمر	اَقْبِلْ عَلَيْهِ	Marilah / Pergilah kepadanya!
13	إلى الأمر	عَجِّلْ إِلَيْهِ	Segeralah kepadanya!
14	بالأمر	عَجِّلْ بِهِ	Segeralah dengannya!
15	تَيْدًا-تَيْدِخ	أَمْهَلْ	Perlahan-lahanlah!
16	ها	أَسْرِعْ	Segeralah!
17	آمين	اِسْتَجِبْ	Kabulkanlah!, Perkenankanlah! (doa/permintaan).

18	إِيَّاهُ وَإِيَّاهُ	زِدْ	حَدِّثْ (Katakanlah!) atau memberi makna زِدْ (Teruskan Lagi!). Pelakunya ialah <i>damir mustatir</i> takdirnya : kamu.
19	إِيَّاهَا وَإِيَّاهَا	كُفْ	Dua lafaz yang digunakan untuk makna كُفْ عَنِ الْحَدِيثِ (diamlah!) Pelakunya <i>damir mustatir</i> yang ditakdirkan kepada kamu.
20	إِلَيْكَ	تَنَحَّحْ	إِلَيْكَ عَنِّي bermakna jauhilah dariku!. إِلَيْكَ الْأَمَانَةُ bermakna ambillah ia!
21	أَمَامَكَ	تَقَدَّمْ	Majulah ke hadapan!
22	بَلَاءَ	أَتْرُكْ	Tinggallah!. Pelakunya <i>damir mustatir</i> takdirnya: kamu.
23	هَيَّا	أَسْرِعْ	Segeralah! Pelakunya <i>damir mustatir</i> takdirnya: kamu
24	هَيِّتْ, هَيِّتْ, هَيِّتْ	تَعَال	Marilah! atau

25	رُوَيْدًا	أَمَّهَانَ	<p>Datanglah ke sini!</p> <p>Merupakan <i>ism fi'l amr</i> seandainya mempunyai <i>kaf al-khitab</i> menjadi (رُوَيْدًاكَ) ataupun selepas perkataan ini kata nama yang akusatif, maka ia bermakna: perlahan-lahanlah .</p>
26	حَيَّهَلًا, حَيَّهَل, حَيَّهَل	هَلُمَّ, أَقْبِلْ, عَجَّان	<p>Perkataan ini sebenarnya terdiri daripada perkataan حَيَّ bermakna: Marilah, Lekaslah, Datanglah dan dari kata هَلَا bermakna untuk makna segera. Kadang-kadang ia ditulis secara bersambung, dan kadang-kadang dipisahkan seperti: حَيَّ هَلْ, حَيَّ هَلْ, حَيَّ هَلًا .</p> <p>Pelakunya <i>damir mustatir</i> takdirnya: kamu.</p>

**Jadual 2.2: Senarai *Ism Fi'l Mudari'***

Bil	Perkataan	Makna <i>Mudari'</i>	Terjemahan
1	وَيْ	أَعْجَبُ	Saya terkejut/ kagum/hairan.
2	أَوْه	أَتَوَجَّعُ	Saya mengerang sakit
3	أُفُّ	أَتَضَجَّرُ	Perkataan 'uh', (perasaan tidak senang dan tidak suka terhadap sesuatu yang disebut ketika memendam perasaan marah dan tidak suka).
4	حَسَّ	أَتَأَلَّمُ	Saya sakit
5	زِهْ	أَسْتَحْسِنُ	Perkataan untuk pujian
6	بِجَلِّ	يَكْفِي	Cukup
7	آه, آهِ, آه	أَتَوَجَّعُ	Saya mengaduh kesakitan, أَتَوَجَّعُ (bermakna saya sakit).
8	بِخٍ:	أَسْتَحْسِنُ	Bagusnya, saya kagum. Lafaz ini digunakan ketika memuji dan berasa kagum. بِخٍ pertama <i>ism fi'l mudari'</i> bermakna أَسْتَحْسِنُ ,

9	وَاهَا, وَآة	أَتَلَهْفُ, أَتَعَجَّبُ	<p>pelakunya <i>damir mustatir</i> takdirnya: saya. بَخِ kedua <i>tawkid</i> (peneguh) bagi بَخِ yang pertama.</p> <p>Makna : تَلَهَّفُ (keluhan, kekesalan) dan تعجب (kehairanan). Pelakunya <i>damir mustatir</i> takdirnya: saya.</p>
10	قَطُّ	يَكْفِي	Mencukupi.
11	قَدْ	يَكْفِي	<p><i>Ism fi 'l</i> untuk <i>madi</i>, <i>mudari'</i> dan <i>amr</i> iaitu dengan melihat situasinya.</p> <p>Contoh: قَدْكَ maknanya boleh jadi untuk : <i>madi</i> ( كَفَاكَ ) bermakna: (cukup untuk anda )atau untuk <i>mudari'</i> ( يَكْفِيكَ ) bermakna sedang cukup untuk anda atau untuk <i>amr</i> ( اِكْتَفِ ) bermakna: cukuplah.</p>

**Jadual 2.3: Senarai *Ism Fi 'l Madi***

Bil	Perkataan	Makna <i>Madi</i>	Terjemahan
1	هَيْهَاتَ ۙ	بَعْدَ	Amat jauh
2	شَتَّانَ	اِفْتَرَقَ	Amat berbeza
3	سُرْرَعَانَ	أَسْرَعَ	Amat segera
4	بُطَّانَ	أَبْطَأَ	Amat Perlahan, Lambat

## 2.5 Bentuk Lafaz *Ism Fi'l*

Berikut ialah bentuk lafaz *ism fi'l* yang dijelaskan oleh Fuad Tirziyy.<sup>53</sup> Beliau menyatakan bahawa sebahagian lafaz *ism fi'l* digunakan adalah sama ada:

- dalam bentuk *murakkab* sahaja
- dalam bentuk *mufrad* sahaja
- kadang-kadang dalam bentuk *murakkab* dan kadang-kadang dalam bentuk *mufrad*

### 2.5.1 Lafaz *Ism Fi'l* Dalam Bentuk *Murakkab* Sahaja<sup>54</sup>

1) Lafaz *murakkab* yang terdiri daripada partikel genitif dan *kaf al-khitab*.

Lafaz *murakkab*:      عَلَيْكَ زَيْدًا  
    إِلَيْكَ زَيْدًا

<sup>53</sup> Lihat: *Al-Zaman fi al-Nahwi al-'Arabiyy*: Fuad Tirziyy. Maktabat Lubnan, Beirut, 1969. hlm 232-235.

<sup>54</sup> *Ibid*

Bentuk ungkapan sebegini hanya bermakna kata kerja perintah dan penggunaannya tiada dalam ayat pernyataan.

2) Lafaz *murakkab* terdiri daripada *zarf* dengan *kaf al-khitab* (sering digunakan), dan jarang sekali tanpa *kaf al-khitab* tersebut.

*Zarf* yang dimaksudkan pula ialah *zarf makan* dan tidak boleh menggunakan *zarf zaman*. Contoh:

ذُونَكَ

مَكَانَكَ

Bentuk *murakkab* sebegini tidak berlaku melainkan hanya untuk makna kata kerja perintah dari aspek penggunaannya dan ia juga tidak digunakan dalam ayat pernyataan.

### 2.5.2 Lafaz *Ism Fi'l* Dalam Bentuk *Mufrad* Sahaja<sup>55</sup>

Lafaz *ism fi'l* yang digunakan dalam bentuk *mufrad* sahaja antaranya ialah:

- Kata nama *manqul* dari *al-aswat* seperti : صَا

مَة

Yang mana ia dikhususkan untuk perintah, manakala

أَوَّ

أَفَّ

dikhususkan untuk pernyataan.

-Lafaz bukan Arab seperti: آمِينَ yang dikatakan dipinda dari bahasa Siryaniyat.

---

<sup>55</sup> *Ibid*

-Lafaz yang tidak diketahui sumbernya dari mana yang dikhususkan untuk pernyataan seperti: هَيْهَاتَ

### 2.5.3 Lafaz *Ism Fi'l* Kadang-Kadang dalam Bentuk *Murakkab* dan Kadang-Kadang dalam Bentuk *Mufrad*

Lafaz *ism fi'l* yang termasuk dalam kategori ini dikatakan dipinda dari *masdar* seperti:

رُوَيْدًا زَيْدًا

رُوَيْدَكَ زَيْدًا

Ia selalunya bersambung dengan *kaf khitab*. Ia dikhususkan untuk makna perintah.

Fuad Tirziyy menjelaskan *ism fi'l* terdiri daripada *murakkab* dan juga *mufrad*. Beliau mendapati kebanyakan pola yang digunakan untuk *murakkab* sama ada penggunaannya kerap atau tidak, ia sebenarnya dikhususkan untuk makna perintah yang membuatkan beliau beranggapan *tarkib* dan makna perintah kedua-duanya adalah seiringan.

Selain itu, beliau turut menjelaskan bahawa *mufrad* kebanyakannya digunakan untuk perintah dan kadangkala digunakan untuk pernyataan. Justeru itu, beliau beranggapan bahawa tanda yang dominan terhadap *ism fi'l* ialah bukti yang menunjukkan ia bermakna perintah dan sentiasa mempunyai kaitan dengan masa akan datang. *Dilalat* peristiwa dan masa bukanlah sifat khusus menurut beliau. Bahkan *dilalat* ini turut

dikongsi oleh kebanyakan pola-pola lain seperti *masdar*, kata nama pelaku, kata nama objek dan juga *ism fi'l*.<sup>56</sup>

## 2.6 Peranan *Ism Fi'l* dalam Sintaksis Bahasa Arab

*Ism fi'l* mempunyai peranan sama seperti kata kerja yang memberi makna kata kerja tersebut selain menjadi gantian bagi kata kerja tersebut. Sebagaimana kata kerja menominatifkan pelaku, *ism fi'l* juga menominatifkan pelaku... *ism fi'l* هَيْهَاتَ yang menggantikan kata kerja بَعُدَ di mana kata kerja بَعُدَ menominatifkan pelaku yang zahir, begitu juga *ism fi'l* هَيْهَاتَ اللِّقَاءِ menominatifkan pelakunya seperti contoh: هَيْهَاتَ اللِّقَاءِ (jauh sekali berlakunya pertemuan tersebut).<sup>57</sup>

Fungsi *ism fi'l* seumpama kata kerja yang digantikannya. Seandainya kata kerja tak transitif maka begitu juga *ism fi'l*, maka nominatifkan sahaja *ism fi'l* seperti صَهَ yang bermakna أُسْكُتَ...Seandainya *ism fi'l* menunjukkan kata kerja yang transitif maka pelaku *ism fi'l* dinominatifkan manakala objek diakusatifkan seperti: سَمَاعِ النَّصِيحَةِ di mana سَمَاعِ ialah *ism fi'l amr* bermakna اسْمَعِ manakala النَّصِيحَةَ ialah objek yang diakusatifkan. Selain itu, tidak boleh mendahulukan *ma'mul* terhadap *ism fi'l* seperti سَمَاعِ النَّصِيحَةِ dengan menyebut النَّصِيحَةَ سَمَاعِ.<sup>58</sup>

---

<sup>56</sup> *Ibid*

<sup>57</sup> Abdul Hamid al-Sayyid Tilib, *Tahdhib al-Nahwi*-Jilid-4, Al-Sadr li al-Khidmat al-Taba'at, Kaherah, 1991, hlm 13.

<sup>58</sup> Lihat: Aiman Amin Abd Ghaniyy. *Al-Nahw al-Kafi*. Dar Ibn Khaldun, Iskandariah, 2002. hlm 667.

Para nahuwan berpandangan bahawa penggunaan *ism fi'l* bagi merealisasikan dua faktor iaitu:<sup>59</sup>

- 1) *ijaz* dan *ikhtisar*
- 2) *Mubalaghat* pada makna

Mengenai *ijaz* dan *ikhtisar*, kedua-duanya tercetus kerana *ism fi'l* mempunyai satu bentuk sahaja ketika *mufrad*, duaan dan jamak, maskulin dan feminin. Walau bagaimanapun seandainya berlaku kata kerja yang memberi makna yang sama dengan *ism fi'l* maka terdapat tanda-tanda yang perlu diletakkan mengikut penggunaan. *Mubalaghat* pada makna pula adalah kerana kemampuan *ism fi'l* menjelaskan makna dengan paling sempurna.

Kesimpulannya, penulis mendapati bahawa *ijaz* dan *ikhtisar* kedua-duanya dinyatakan sebegitu kerana penggunaan *ism fi'l* adalah sama pada kategori maskulin dan feminin, *mufrad*, *muthanna* mahupun jamak. Situasi ini berbeza dengan kata kerja asli yang perlu kepada perubahan morfologi mengikut kehendak makna serta mengikut kuantiti dan gender secara keseluruhannya. Selain itu makna yang terhasil daripada *ism fi'l* mencetuskan impak yang lebih berkesan.

Contoh: Seandainya menyebut هَيْهَاتَ makna yang terhasil bukanlah jauh, malah jauh sekali iaitu tersangat jauh berbanding kata kerja بَعُدَ memberi makna jauh semata-mata tanpa unsur penegasan dan penekanan seumpama *ism fi'l*. Malah, penggunaan kata kerja

---

<sup>59</sup> Mahmud Sulaiman Yaqut, *Al-Nahw al-Ta'limiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyyat, Iskandariah, t.t, hlm 298.

perlu berubah-ubah mengikut kesesuaian seperti kata أُسْكُتْ (diamlah kamu) digunakan untuk seorang manakala apabila ditujukan untuk dua orang disebut pula أُسْكُنَا (diamlah kamu berdua) berbeza dengan *ism fi'l* صَا yang memberi makna yang sama namun lafaz ini digunakan pada semua keadaan sama ada ketika *mufrad*, duaan, jamak, maskulin mahupun feminin.

## 2.7 Keistimewaan *ism fi'l*

Dalam perbincangan mengenai keistimewaan *ism fi'l*, penulis mendapati Abbas Hasan memberikan penerangan dan contoh yang jelas seperti berikut: Antaranya, beliau menyatakan bahawa *ism fi'l* lebih kukuh maknanya dari kata kerja yang memberi makna yang sama. *Ism fi'l* juga lebih berkemampuan menjelaskan dengan begitu sempurna bagi sesuatu makna. Maknanya pula adalah makna yang *mubalaghat*.

Kata kerja بَعُدَ contohnya: memberi makna jauh sahaja akan tetapi *ism fi'l* yang sama makna dengannya iaitu perkataan هَيْهَاتَ memberi makna البَعْدُ البَعِيدُ iaitu sangat jauh sekali kerana maknanya yang lebih terperinci ialah: بَعُدَ بَعْدًا . Kata kerja افْتَرَقَ (berpisah,berbeza) bermakna الافتِرَاقُ (perbezaan) semata-mata akan tetapi *ism fi'l* شَتَّانَ yang sama maknanya memberi makna الافتِرَاقُ الشَّدِيدُ (terlalu berbeza) iaitu makna yang bersangatan kerana maknanya yang hakiki (jika menggunakan kata kerja) ialah: افْتَرَقَ افْتِرَاقًا (sangat berbeza).

Selain itu, beliau menyatakan *ism fi'l* sama sahaja penggunaannya ketika maskulin, feminin, *mufrad*, *muthanna* mahupun ketika jamak.<sup>60</sup>

Disebabkan kedua-dua kelebihan tersebut, penggunaan *ism fi'l* lebih memberi kesan kerana ia mencapai kedudukan *ijaz* lafaz, meringkaskan kata, mencapai makna dan mempunyai makna *mubalaghat*.

### 2.7.1 Persamaan Dan Perbezaan Antara *Ism Fi'l* Dan Kata Kerja

Sebelum melihat kepada persamaan dan perbezaan antara *ism fi'l* dan kata kerja, tanda-tanda yang menunjukkan bahawa sesuatu kata itu ialah kata kerja boleh dikenali melalui situasi berikut :<sup>61</sup>

- 1- Kata kerja dikenali melalui *ta'* pelaku iaitu *ta'* yang berbaris hadapan berada pada KKKL sama ada untuk *mutakallim* seperti ( كَتَبْتُ , حَفِظْتُ ) atau berbaris atas untuk *mukhatab* seperti ( كَتَبْتَ , حَفِظْتَ ) dan berbaris bawah untuk *mukhatabat* seperti ( كَتَبْتِ , حَفِظْتِ ).
- 2- Ciri-cirinya juga ialah *ta' ta'nith* bertanda mati yang berada pada KKKL seperti ( كَتَبْتُ , قَامْتُ , سَجَدْتُ , نَعِمْتُ , بَشِئْتُ ). *Ta'* ini tidak berbaris melainkan sekiranya berlaku pertembungan dua tanda mati seperti pada : ( قَالَتِ الْفَتَاةُ الْحَقُّ )

<sup>60</sup> Abbas Hasan, *Al-Nahw al-Wafiy ma'a Rabtihi bi al-Asalib al-Rafi'at wa al-Hayat al-Lughawiyat al-Mutajaddidat*. Dar al-Maarif, Kaherah, 1963. hlm 110.

<sup>61</sup> Abdul Hamid al-Sayyid Tilib, *Tahdhib al-Nahwi*, Al-Sadr li Khidmat al-Taba'at, Kaherah, 1991. hlm 12-13.

### 3- *Ya'* pelaku atau *ya' mukhatabat*

Iaitu *ya'* yang terdapat pada kata kerja perintah atau pada KKKK seperti:

أَنْتِ تَكْتُبِينَ الدَّرْسَ، قَوْمِي مُبَكَّرَةٌ. Situasi ini tidak berlaku pada KKKL secara mutlak.

### 4- *Nun Tawkid*

Di antara tanda menunjukkan kata kerja ialah *nun tawkid*. Ia terbahagi kepada dua

bentuk iaitu *nun tawkid thaqilat* seperti: هَلْ تَدَافِعَنَّ عَنِ الْوَطَنِ؟ atau *nun tawkid*

*khafifat* seperti: هَلْ تَدَافِعَنَّ عَنِ الْوَطَنِ؟

Muhammad 'Ali Taha menggariskan beberapa persamaan antara kata kerja dan *ism fi'l*.

Persamaan antara kata kerja dengan *ism fi'l*<sup>62</sup>:

- 1- Setiap *ism fi'l* kebiasaannya menyamai kata kerja dari aspek maknanya yang transitif atau tak transitif. Namun, bukan suatu kebiasaan apabila berbeza antara kedua-duanya seperti pada kata *ism fi'l* آمِنَ yang tak transitif manakala kata kerja yang memberi makna seumpamanya iaitu اسْتَجَبَ ialah kata kerja transitif; memerlukan kepada objek.
- 2- Setiap *ism fi'l* sama dengan kata kerja dari aspek makna ketika menzahirkan pelaku atau tidak. Maka pelaku bagi هَيَّهَاتَ dan بَعْدَ harus sama ada dizahirkan pelakunya atau tidak. Namun pelaku bagi آمِنَ dan اسْتَجَبَ , صَبَّهَ dan أُسْكُتَ tidak harus dizahirkan.

---

<sup>62</sup> Muhammad 'Ali Taha, *Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat*, Dar al-Irshad, Himas, 1980. hlm 21.

Perbezaan di antara kata kerja dan *ism fi'l* pula ada tujuh aspek sepertimana berikut <sup>63</sup>:

- 1- Terzahir *damir* pada kata kerja seperti أُسْكُنْتُ، أُسْكُنِيْ dan أُسْكُنُوا. *Ism fi'l* tidak menzahirkan apa-apa *damir* sama sekali (kecuali *damir mukhatab* untuk situasi tertentu) seperti صَهْ disebut dengan lafaz yang sama untuk *mufrad*, duaan, jamak, maskulin mahupun feminin.
- 2- Objek kata kerja boleh didahulukan dan dikemudiankan, namun objek bagi *ism fi'l* mesti dikemudiankan.
- 3- Kata kerja yang disebut atau tidak disebut boleh berfungsi, namun *ism fi'l* hanya berfungsi apabila disebut.
- 4- Kata kerja boleh berubah-ubah polanya, mengikut perbezaan masa contohnya: سَكَتَ (dia seorang lelaki telah diam), يَسْكُتُ (dia seorang lelaki sedang diam), اُسْكُتْ (diamlah! kamu). Sebaliknya *ism fi'l* tidak berubah-ubah pola mengikut perbezaan masa.
- 5- Kata kerja boleh diberi *tawkid* (penegasan) contohnya: اُسْكُتْ صَهْ namun *ism fi'l* tidak boleh.

---

<sup>63</sup> *Ibid*

- 6- Kata kerja kala kini (dari aspek kata kerja) boleh diakusatifkan jika menunjukkan kepada permintaan seperti أَنْزِلْ فَأَكْرَمَكَ. Tidak boleh diakusatifkan kata kerja kala kini dari aspek *ism fi'l* sekalipun ia menunjukkan kepada permintaan.
- 7- Sebahagian besar para nahuwan berpendapat bahawa kata kerja berasal dari *masdar*, namun tiada di kalangan mereka menyebut *ism fi'l* berasal dari *masdar*.

Perbezaan di antara kata kerja dan *ism fi'l* yang dinyatakan oleh Abdul Hamid al-Sayyid Tilib, pula antaranya ialah <sup>64</sup>:

- 1- *Ma'mul ism fi'l* tidak akan mendahului *ism fi'l* sama sekali. Ini berlainan dengan kata kerja yang boleh disebut sama ada:

أَدْرِكُ زَيْدًا

زَيْدًا أَدْرِكُ

Walau bagaimanapun *ism fi'l* tidak harus didahului dengan *ma'mul* seperti contoh:

زَيْدًا دَرَاكَ . Tidak boleh menyebut: دَرَاكَ زَيْدًا . Begitu juga *ism fi'l* yang lain.

- 2- *Ism fi'l* tidak menzahirkan *damir* yang menunjukkan jenis *mukhatab* seperti صه untuk *mufrad* maskulin, *mufrad*, feminin, duaan mahupun jamak. Ini berbeza dengan kata kerja yang menyatakannya seperti:

---

<sup>64</sup> Abdul Hamid Al-Sayyid Tilib, *Tahdhib al-Nahw*, Maktabat al-Hadaf, Kaherah 1991. hlm 14.

أَسْكُتَ (diamlah) yang digunakan untuk kamu lelaki (seorang)

أَسْكُتِي (diamlah) yang digunakan untuk kamu perempuan (seorang)

أَسْكُتْنَا (diamlah) yang digunakan untuk kamu lelaki/perempuan (dua orang)

أَسْكُتُوا (diamlah) yang digunakan untuk kamu lelaki (jamak)

أَسْكُتْنَ (diamlah) yang digunakan untuk kamu perempuan (jamak)

### 2.7.2 Hukum-Hukum Berkait Dengan *Ism Fi'l* dan Kedudukannya dalam *I'rab*

Berikut ialah hukum-hukum yang berkait dengan *ism fi'l*. Antaranya, *ism fi'l* dilihat pada elemennya. *Ism fi'l* lebih kukuh dan kuat dari kata kerja seumpamanya dari aspek semantik. Kata kerja بَعُدَ bermakna jauh manakala *ism fi'l* yang memberi makna seumpamanya هَيْهَاتَ ialah tersangat jauh.<sup>65</sup>

Ibn Hisham telah menggariskan beberapa hukum berkaitan *ism fi'l* antaranya<sup>66</sup>, *ism fi'l* tidak boleh digenetifkan. Jika anda menyebut ( بَلَّةٌ زَيْدٌ ) dan ( رُوَيْدٌ زَيْدٌ ) dengan tanda *khafad* (baris bawah) maka kedua-duanya menjadi *masdar*. Sekiranya baris atas dengan anda menyebut: ( بَلَّةٌ زَيْدًا ) dan ( رُوَيْدٌ زَيْدًا ) maka kedua-duanya ialah *ism fi'l*.

Antara hukum *ism fi'l* menurut beliau juga ialah tidak boleh mendahulukan objek daripada *ism fi'l*. Anda tidak boleh menyebut: ( زَيْدًا عَلَيْكَ ). Namun al-Kisai'yy mempunyai pendapat yang berbeza dengan berpegang kepada firman Allah Taala yang berikut:<sup>67</sup> كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ

<sup>65</sup> Abbas Hasan, *al-Nahw al-Wafi*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1999. hlm 142.

<sup>66</sup> Lihat: Dalam *Sharh Shudhudh al-Dhahab fi Ma'rifat Kalam al-Arab*, Dar al-Kutub al-Arabiyyat, t.t.mpt. t.t.hlm 522.

<sup>67</sup> al-Quran, *al-Nisa*:24

Kesemua *ism fi'l* adalah tidak fleksi dan tiada kedudukannya dari segi *i'rab* sekalipun ianya mirip kata nama. Ia juga tidak boleh diselit dengan *nun tawkid*. *Ism fi'l* adalah bersama-sama dengan pelakunya berada pada kedudukan ayat verbal. Kedua-dua *ism fi'l* dan pelakunya mempunyai hukum dalam ayat tersebut seperti berlakunya ia sebagai predikat, adjektif, atau hal.<sup>68</sup>

*Ism fi'l* kesemuanya adalah *sama'iy*, dan tidak boleh diqiaskan melainkan satu jenis sahaja dari *ism fi'l* perintah, iaitu *ism fi'l* jenis ini bagi pola *فَعَالٍ* yang terdiri daripada setiap kata kerja *thulathiyy tam mutasarriif* di mana pola ini adalah tidak fleksi dan dengan baris *kasrat* sentiasa seperti:<sup>69</sup>

اِحْدَرُ dari حَدَارٍ

انزَلَ dari نَزَالٍ

اسْمَعُ dari سَمَاعٍ

اَكْتُبُ dari كُتَابٍ

Melihat kepada Sa'id al-Afghaniyy, *ism fi'l* yang menunjukkan makna permintaan tidak diakusatifkan dengan *fa' sababiyyat*. Ketika jusif contohnya *صه تسلّم* tidak disebut *صه فتسلم*. Apabila *ism fi'l* ditanwinkan ia memberi makna *nakirat* manakala sebaliknya bermakna *ma'rifat*. Terdapat tiga kategori berkaitan situasi ini:<sup>70</sup> Contohnya:

واهاً dan وَيَهَّأ واجب dinakiratkan.

Pola *فَعَالٍ* wajib dima'rifatkan

<sup>68</sup> Lihat : *Mawsu'at al-Nahw wa al-Sarf wa al-I'rab*: Imil Badi' Ya'qub, Dar al-'Ilm li al-Milyin, Beirut, 1988.hlm 71.

<sup>69</sup> Aiman Amin Abd Ghaniyy, *Al-Nahw al-Kafi*. Dar Ibn Khaldun, Iskandariah, 2002.hlm 664.

<sup>70</sup> Sa'id al-Afghaniyy, *Al-Mujaz fi Qawa'id al-Lughat al-'Arabiyyat*. Dar al-Fikr, t.tp. 1969.

Bagi *إِيَّهِ*, *مَهُ*, *صَهُ*, dan *أُفُّ* boleh digunakan dengan bentuk *nakirat* atau *ma'rifat* (mengikuti makna yang diinginkan).

### 2.7.3 Sifat-Sifat Penting Bagi Ayat Yang Mempunyai *Ism Fi'l*

Para nahuwan menjelaskannya hukum *ism fi'l* ialah hukum yang bertujuan membezakan *ism fi'l* daripada kata nama dan kata kerja. *Ism fi'l* seumpama kedua-duanya namun bukan sebahagian daripadanya. Berikut ialah antara hukum yang berkait dengan *ism fi'l* dalam sesuatu ayat bahasa Arab: <sup>71</sup>

- 1- *Ism fi'l* tidak boleh digenitifkan.
- 2- Jumhur ulama nahu berpandangan bahawa objek tidak mendahului *ism fi'l*. Situasi ini berbeza dengan kata kerja yang boleh mendahulukan objek sebelum kata kerja atau meletakkannya selepas kata kerja.

Walau bagaimanapun menurut Ibn Hisham, Kisa'iyy mengharuskan objek mendahului *ism fi'l* berhujahkan firman Allah: *كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ* yang mana beliau mendakwa maknanya ialah : *عَلَيْكُمْ كِتَابَ اللَّهِ* iaitu suatu kemestian.

Namun, nahuwan Basrah berpendapat *كِتَابَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ* sebagai *masdar* yang dibuang *amilnya*. Perkataan *عَلَيْكُمْ* ialah *jarr majrur*...dan ditakdirkan sebagai:

---

<sup>71</sup> Muhammad 'Ayyid, *al-Nahw al-Musaffa*, Alam al-Kutub, Kaherah. 2005. hlm 514.

كَتَبَ اللَّهُ ذَلِكَ كِتَابًا عَلَيْكُمْ

Justeru, kalangan nahuwan Basrah tidak beranggapan perkataan *عَلَيْكُمْ* sebagai *ism fi'l* dalam firman Allah tersebut.<sup>72</sup>

Al-Sayuti menyatakan tidak seharusnya meletakkan objek mendahului *ism fi'l* menurut nahuwan Basrah, namun nahuwan Kufi membolehkan objek mendahului *ism fi'l* sebagai kiasan terhadap kata nama pelaku dan kata nama objek.<sup>73</sup>

#### 2.7.4 Pandangan Linguis Arab Tentang *Ism Fi'l*

Berikut ialah penerangan Fuad Tirziyy berhubung *ism fi'l* :<sup>74</sup>

Kebanyakan para nahuwan menganggap *ism fi'l* sebagai kata nama. Mereka mendefinisikan *ism fi'l* sebagai setiap kata nama yang menggantikan kata kerja dari aspek makna dan penggunaan dan ia tidak terkesan dengan *'awamil* kata nama serta kata kerja; ia bukan *fadlat* dan *ism fi'l* bertujuan untuk makna *mubalaghat*.

Nahuwan Kufah menganggap *ism fi'l* ialah kata kerja hakiki dengan menolak pandangan tentang tanda-tanda kata nama yang terdapat pada *ism fi'l*.

<sup>72</sup> Ibn Hisham al-Ansariyy al-Misriyy, *Qatr al-Nada wa Ballu al-Sada*, Dar al-Kutub, Kaherah. 1992. hlm 363.

<sup>73</sup> Abdul Rahman bin al-Kamal Abu Bakar Jalaluddin al-Sayuti, *Kitab al-Ashbah wa al-Nazair fi al-Nahw*, Maktabat al-Kulliyat al-Azhariyyat, Mesir, 1975. hlm 230.

<sup>74</sup> Fuad Tirziyy, *al-Zaman fi al-Nahw al-'Arabiyy*, Maktabat Lubnan, Beirut, 1969. hlm 236.

Ulama nahu Basrah pula, menganggap *ism fi'l* sebagai kata nama bersandarkan kepada beberapa aspek yang menyamai kata nama dan beberapa perbezaan yang terdapat pada kata kerja. Berikut ialah di antara pemerhatian mereka terhadap isu ini: <sup>75</sup>

- *Ism fi'l* berbeza dengan kata kerja dari aspek pola morfologi kata kerja

-Sebahagian *ism fi'l nakirat* dan sebahagiannya *ma'rifat; tanwin* menunjukkan tanda *nakirat*.

- Sebahagiannya diambil dari *masdar* dan sebahagian yang lain diambil dari *zarf*; kedua-duanya ialah kata nama.

- *Ism fi'l* tidak berubah-ubah seperti kata kerja dan *ma'mul* tidak boleh diletakkan di hadapan *ism fi'l*.

- *Ism fi'l* yang diganti dari kata nama kala kini tidak terkesan dengan sebarang *awamil* seperti mana yang berlaku pada *mudari'*.

Ulama nahu Kufah pula menganggap *ism fi'l* sebagai kata kerja kerana terdapat persamaan di antara kedua-duanya dan terdapat perbezaan *ism fi'l* dari kata nama, antaranya ialah:

---

<sup>75</sup> *Ibid*

- Seandainya *ism fi'l* ialah kata nama, ia mestilah menjadi akusatif (*mansub*) dengan kata kerja yang dibuang melainkan para nahuwan bersepakat ia tidak terkesan dengan sebarang '*awamil* seperti kata kerja perintah yang tidak terkesan dengan '*awamil* dan seperti kata kerja kala lepas yang tidak terkesan dengan '*awamil* juga.
- *Ism fi'l* adalah *mabniyy* kerana asal bagi kata kerja ialah *bina'* iaitu tidak fleksi.

Fuad Tirziyy berpendapat bahawa realitinya, *ism fi'l* bukanlah kata nama dan bukan pula kata kerja, sebaliknya ia menyerupai gaya bahasa kekaguman, pujian, celaan... نَعْمَ ialah gaya bahasa bermakna *mubalaghat*, bermakna perintah selalunya, memberi makna kekaguman atau terkejut dan juga bermakna peristiwa lepas dan kini.<sup>76</sup>

Walau bagaimanapun, penulis lebih cenderung berpendapat *ism fi'l* adalah jenis kata nama cuma ia berfungsi seperti kata kerja dari aspek makna semantiknya selain tidak mempunyai persamaan bentuk kata kerja dan perubahan pola seperti kata kerja.

Selain perkara di atas, Yusof al-Saidawiyy, antara ilmuwan yang mengetengahkan isu berkaitan dengan *ism fi'l* yang mana beliau mendapati ramai kalangan orang yang mengajar bahasa Arab melupakan aspek *jarr majrur* yang mana betul bila menyebut :<sup>77</sup>

نَظَرْتُ إِلَى خَالِدٍ

نَظَرْتُ إِلَى فَاطِمَةَ

<sup>76</sup> *Ibid*

<sup>77</sup> Lihat : Yusof al-Saidawiyy, *Al-Lughat wa al-Nas: Halaqat fi al-Lughat wa Nahwiha wa Sarfiha*, Dar al-Fikr, Beirut. 1996. hlm 70-71.

نَظَرْتُ إِلَيْكَ

نَظَرْتُ إِلَيْهِ

Namun apabila sampai kepada situasi *jarr majrur ism fi'l*, dilarang mengadakan perubahan padanya, sebaliknya mestilah tetap pada kedudukan yang sama iaitu *ism fi'l* diiringi dengan *kaf mukhatab*. Justeru itu, tidak boleh seandainya menyebut: إِلَيْهِ الْكِتَابَ untuk makna لِيَأْخُذَهُ dan tidak boleh juga menyebut:

إِلَى خَالِدٍ الْكِتَابَ

إِلَى زَيْبِ الْكِتَابَ

Semua ini tidak disebut dan digunakan kerana orang Arab tidak menyebut sebegitu. Sebaliknya cukup sekadar menyebut:

إِلَيْكَ الْكِتَابَ

إِلَيْكِ الْكِتَابَ

إِلَيْكُمْ الْكِتَابَ

إِلَيْكُمْ الْكِتَابَ

إِلَيْكُمْ الْكِتَابَ

Beliau menjelaskan, *mufrad*, duaan, jamak; sama ada maskulin atau feminin diberi *kaf al-khitab* yang mengiringi partikel إِلَى . Kedua-duanya menjadi satu kata sahaja iaitu *ism fi'l amr*. Sekiranya *kaf* terpisah daripada partikel إِلَى , status *ism fi'l* terbatal dan kembali menjadi status *jarr* dan *majrur* sahaja.

Tidak semua orang Arab menaqalkan *jarr* dan *majrur* menjadi *ism fi'l* contohnya: لك الف السلام dengan mengakusatifkan ألف kerana menganggap sebagai objek bagi *ism fi'l* لك. Apa yang betul ialah لك ألف السلام iaitu dengan menominatifkan ألف.

Situasi ini berlaku kerana *ism fi'l* adalah *sama'iy*; tidak seharusnya ia diqiaskan sewenang-wenangnya dan tidak sepatutnya ditambah-tambah sendiri. Selain itu, orang Arab tidak menggunakan *jarr* dan *majrur* لك sebagai penggunaan *ism fi'l*.

### 2.7.5 Contoh-Contoh *Ism Fi'l*

Jarir Bin 'Atiyyat berkata:

فَهَيْهَاتَ هَيْهَاتَ الْعَقِيقُ وَمَنْ بِيهِرٍ      وَهَيْهَاتَ حِلٌّ بِالْعَقِيقِ نُوَاصِلُهُ<sup>78</sup>

(*Jauh sekali wadi al-'Aqiq dan sesiapa di sana, Jauh sekali untuk temui teman di sana*)

Seorang penyair berkata:

إِنْ كُنْتَ مُكْتَتِبًا لِعَزٍّ قَدْ مَضَى      هَيْهَاتَ يُرْجِعُهُ إِلَيْكَ تَنْدُمُ

(*Seandainya gundah atas berlalunya kemuliaan, Jauh sekali ia dikembalikan kepadamu oleh suatu penyesalan*)

Perkataan هَيْهَاتَ yang disebut dalam kedua-dua puisi di atas termasuk dalam kategori *ism fi'l madi* yang bermaksud 'jauh sekali' atau 'sangat jauh'.

<sup>78</sup> Lihat: Dalam *Sharh Shudhudh al-Dhahab fi Ma'rifat Kalam al-'Arab*, Dar al-Kutub al-Arabiyyat, t.t.mpt. t.t.hlm 516.

Seorang ahli madah berkata:

سَلِّ عَنْ شَجَاعَتِهِ وَرُزَّهُ مُسَالِمًا      وَحَدَارٍ ثُمَّ حَدَارٍ مِنْهُ مُحَارَبًا<sup>79</sup>

(Cubalah soal tentang keberaniannya dan kunjunginya secara damai, **Awash** dan **berawashlah**, jangan kamu tunjuk permusuhan)

Seorang sasterawan berkata:

هِيَ الدُّنْيَا تَقُولُ بِمَلْءِ فِيهَا      حَدَارَ حَدَارٍ مِنْ بَطْشِي وَفَتْكِي<sup>80</sup>

(Dunia berkata dengan sepelosok suaranya, **Awashlah**, **awashlah** dengan kekejaman dan pembinasaanku)

Penyair berkata:

حَدَارَ - بُيِّ - البَعَى لَا تَقْرَبْنَهُ      حَدَارَ فَإِنَّ البَعَى وَخَمَّ مَرَاتِعَهُ<sup>81</sup>

(**Awash** anakku daripada kezaliman, jangan sekali-kali hampirinya, **Awashlah**, sesungguhnya kezaliman akibatnya kesengsaraan)

Seorang sasterawan berkata:

يَتَابِعُ الطَّعْنََةَ لِي لِيَا بِلَا      مَهْلٍ حَدَارٍ أَنْ أُضِيَّ السُّرُجَا

<sup>79</sup> Lihat: Dalam Abbas Hasan, *al-Nahw al-Wafi*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1999. hlm 140.

<sup>80</sup> Lihat: Dalam Aiman Amin Abd Ghaniyy, *Al-Nahw al-Kafi*, Dar Ibn Khaldun, Iskandariah, 2002. hlm 669.

<sup>81</sup> Lihat: Dalam Mahmud Husniyy, *al-Nahw al-Shafi*, Muassasat al-Risalat, Beirut, 1997. hlm 418.

(Di saat malam ia menyusukku berterusan tanpa teragak-agak, **Awasilah**, akan aku cahayakan pelita)

Perkataan حَذَارٍ yang tertera pada puisi-puisi tersebut adalah *ism fi'l amr* yang bermaksud 'awas' atau 'awasilah'.

Seorang penyair berkata:

أَمَامَكَ إِنَّ وَاتَّتَكَ الْفُرْصَةُ وَسَاعَفَّتْكَ الْقُوَّةُ.

(**Majulah ke hadapan** tatkala dirimu beroleh peluang dan kekuatan)

*Ism fi'l* dalam sajak ini pula ialah perkataan أَمَامَكَ yang bermaksud 'maju ke hadapan' atau 'mara ke depan' yang merupakan jenis *ism fi'l amr* juga.

Seorang penyair berkata:

وَرَاءَكَ إِنْ كَانَ فِي إِدْرَاكِ الْفُرْصَةِ عَصَّةٌ وَفِي نَيْلِهَا حَسْرَةٌ وَنَدَامَةٌ

(**Mundurlah ke belakang** tatkala merebut peluang ia menyempit, dan tatkala untuk mendapat peluang adanya kerisauan dan penyesalan)

Perkataan وَرَاءَكَ pada sajak di atas ialah *ism fi'l amr* bermakna 'mundurlah ke belakang'.

Penyair berkata:

عَلَيْكَ نَفْسَكَ هَدَيْتَهَا فَمَنْ مَلَكَتْ قِيَادَتَهُ النَّفْسُ عَاشَ الدَّهْرَ مَذْمُومًا<sup>82</sup>

(*Kuasailah dirimu* didiklah ia, sesiapa yang kepimpinannya dikuasai nafsu, Hidupnya nescaya tercela selamanya)

Penyair berkata:

عَلَيْكَ نَفْسَكَ فَتَّشْ عَنْ مَعَايِبِهَا وَخَلَّ عَنْ عَثْرَاتِ النَّاسِ لِلنَّاسِ<sup>83</sup>

(*Amatilah* dirimu selidikilah kelemahannya, Biarkanlah kesilapan manusia kepada manusia)

Perkataan عَلَيْكَ antara *ism fi'l amr* yang bermaksud 'kemestian' yang menjadi suatu tanggungjawab yang mesti dilaksanakan.

Ibn Mu'taz berkata:

الفكر قبل القول يُؤمّن زينةً شتانَ بينَ رويّةٍ وبيديه<sup>84</sup>

(*Berfikir sebelum bertutur akan terselamat dari kepalsuan, Berbeza sekali* antara ahli fikir dan orang bodoh).

---

<sup>82</sup> *Ibid*

<sup>83</sup> *Ibid*

<sup>84</sup> Lihat: Dalam Abbas Hasan, *al-Nahw al-Wafi*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1999. hlm 143.

Penyair berkata:

جَارَتْهُمُونِي بِالْوَصَالِ ۖ فَطَيْبَةً      شَتَّانَ بَيْنَ صَنِيعِكُمْ وَصَنِيعِي<sup>85</sup>

(Usahaku membina tali ikatan balasannya kamu putuskannya, **Berbeza sekali** perilakumu dengan diriku)

Penyair berkata:

هَمُّوا بِيَعْدِ عَنَّا غَيْرَ تَقَرُّبٍ      شَتَّانَ بَيْنَ التُّرْبِ وَالْإِبْعَادِ<sup>86</sup>

(Mereka berhasrat menjauhimu bukan pula menghampirimu, **Sungguh jauh beza** perihal dekat dan jauh)

Penyair berkata:

جَاوَزْتُ أَعْدَائِي وَجَاوَرَ رَبِّي شَتَّانَ بَيْنَ جَوَارِهِ وَجَوَارِي<sup>87</sup>

(Kuhampiri musuh-musuhku sedangkan dia hampiri Tuhannya, **Sungguh jauh beza** perihalnya dan perihalku)

Keempat-empat puisi di atas menggunakan perkataan شَتَّانَ yang termasuk dalam jenis *ism fi'l madi* yang bermaksud ‘amat jauh’ atau ‘terpisah’.

<sup>85</sup> Lihat: Dalam *Sharh Shudhudh al-Dhahab fi Ma'rifat Kalam al-Arab*, Dar al-Kutub al-Arabiyyat, t.t.mpt. t.t.hlm 521.

<sup>86</sup> Lihat: Dalam Mahmud Sulaiman Yaqut, *al-Nahw al-Ta'limiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-karim*, Dar al-Ma'rifat al-Jami'iyyat, Iskandariah, t.t..hlm 302.

<sup>87</sup> Lihat: Dalam Mahmud Husni, *al-Nahw al-Shafi*, Muassasat al-Risalat, Beirut, 1997. hlm 417.

Penyair berkata:

رُؤْيَدَكَ لَا تُعْقِبْ جَمِيلَكَ بِالْأَذَى فَتُضْحَى وَشَمَلِ الْفَضْلِ وَالْحَمْدَ مُنْصَدِّغٌ<sup>88</sup>

(*Tunggulah sejenak, jangan anda iringi budi baikmu dengan menyakiti, Lantaran akhirnya jasa baik dan pujian kan hancur berderai*).

Penyair berkata:

رُؤْيَدَكَ أَيُّهَا الْعَادِي وَرَائِي لِتُخْبِرَنِي مَتَى نَطَقَ الْجَوَادُ<sup>89</sup>

(*Tunggulah sejenak wahai orang yang berlari di belakangku, agar dirimu dapat khabarkan kepadaku bilakah kuda itu berkata-kata*)

Perkataan رويد dalam kedua-dua puisi di atas bermakna ‘tunggu sebentar’ atau ‘tunggu sejenak’ tergolong dalam jenis *ism fi’l amr*.

Penyair berkata:

أَهْأَ لَهَا مِنْ لَيْالٍ ۖ هَلْ تَعُودُ كَمَا كَانَتْ؟ وَأَيُّ لَيْالٍ عَادَ مَاضِيهَا<sup>90</sup>

(*Ah, malam nan indah adakah ia kan kembali lagi? Manakah malam yang pernah kembali masa silamnya*).

<sup>88</sup> Lihat: Dalam Mahmud Sulaiman Yaqut, *al-Nahw al-Ta’limiyy wa al-Tatbiq fi al-Quran al-Karim*, Dar al-Ma’rifat al-Jami’iyyat, Iskandariah, t.t. hlm 302.

<sup>89</sup> Lihat: Dalam Mahmud Husni, *al-Nahw al-Shafi*, Muassasat al-Risalat, Beirut, 1997. hlm 417.

<sup>90</sup> Lihat: Dalam Abbas Hasan, *al-Nahw al-Wafi*, Dar al-Ma’arif, Kaheerah, 1999. hlm 140.

Penyair berkata:

إِيَّاهُ يَا دُنْيَا اعْبَسِي أَوْ فَأَبْسِي      لَا أَرَى بَرَقَكَ إِلَّا خُلْبًا<sup>91</sup>

(*Ah, wahai dunia bermasam mukalah atau engkau senyum, namun tidak aku lihat gemerlapanmu melainkan dusta belaka*)

Kedua-dua آه dan إيه bermakna 'ah' termasuk dalam *ism fi'l mudari*.

Penyair berkata:

يَا رَبِّ لَا تَسْلِبْنِي حُبَّهَا أَبَدًا      وَيَرْحَمْ اللَّهُ عَبْدًا قَالَ آمِينَ<sup>92</sup>

(*Wahai Tuhanku, jangan Engkau sekat cintaku terhadapnya sama sekali, Moga Allah rahmati hamba yang mengucapkan 'amin' [perkenankanlah permohonanku]*)

Perkataan آمين yang tertera di atas memberi makna 'perkenankan doa' termasuk dalam *ism fi'l amr*.

Abu al-Mukhtar berkata:

فَدُونِكَ مَالُ اللَّهِ حَيْثُ وَجَدْتَهُ      سَيَرِضُونَ إِنْ شَطَرْتَهُمْ مِنْكَ بِالشَّطْرِ

(*Ambillah harta Allah tatkala engkau mendapatinya, Mereka akan redha seandainya kau bahagikan dengan keadilan*)

Puisi ini menggunakan perkataan دُونِكَ iaitu *ism fi'l amr* bermaksud 'ambillah'.

<sup>91</sup> Lihat: Dalam Mahmud Husniyy, *al-Nahw al-Shafi*, Muassasat al-Risalat, Beirut, 1997. hlm 417.

<sup>92</sup> Lihat: Dalam 'Ali Redha, *Al-Marji' fi al-Lughat al-'Arabiyyat, Nahwaha wa Sarfaha*, Dar al-Sharq al-'Arabiyy, t.t.hlm 195.

### 2.7.6 Perbezaan Khusus Antara *Ism Fi'l* Dengan Kata Kerja

Setelah melihat kepada ciri-ciri kata kerja dan juga *ism fi'l* dalam perbincangan sebelum ini, penulis ingin menyenaraikan beberapa perbezaan khusus melibatkan kedua-dua jenis kata kerja dan *ism fi'l* untuk gambaran yang lebih jelas.

Berikut ialah perbezaan khusus antara *ism fi'l* dengan kata kerja:

**Jadual 2.4 : Senarai Perbezaan Khusus Antara *Ism F'l* Dengan Kata Kerja**

<i>Ism Fi'l</i>	Kata Kerja
<p>Dari aspek baris pada <i>ism fi'l</i>, ada perkataan yang dibariskan dengan baris-baris yang berbeza mengikut pendapat dan penggunaan contohnya pada perkataan : هَيْت ada disebut sebagai :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- هَيْتَ</li> <li>- هَيْتُ</li> <li>- هَيْتِ</li> </ul> <p>Pada perkataan : هِيَهَات ada disebut dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- هِيَهَاتَ</li> <li>- هِيَهَاتِ</li> <li>- هِيَهَاتُ</li> </ul>	<p>Kata kerja mempunyai baris yang jarang berubah bagi sesuatu perkataan. Contohnya kata kerja : دَهَبَ barisnya tetap begitu tanpa perbezaan pandangan terhadap baris pada setiap fonem.</p>

<p><i>Ism fi'l</i> tidak boleh diletakkan selepas objek, sebaliknya ia mesti sentiasa di hadapan objek.</p>	<p>Kata kerja boleh mendahului objek dan boleh berada selepas objek. Situasi ini berlaku kerana dari aspek aplikasi kata kerja, kata kerja lebih dominan dan kuat dari <i>ism fi'l</i>.</p>
<p>Penggunaan <i>ism fi'l</i> dalam teks bahasa Arab terlalu terhad terutamanya <i>ism fi'l madi</i>.</p>	<p>Penggunaan kata kerja begitu meluas dan sering digunakan dalam sintaksis bahasa Arab apatah lagi di dalam teks bahasa Arab.</p>
<p>Dalam sesuatu ayat, tanpa <i>ism fi'l</i> ayat boleh menjadi lengkap.</p>	<p>Dalam ayat verbal, kata kerja diperlukan sentiasa.</p>
<p><i>Ism fi'l</i> memberi makna yang <i>mubalaghat</i> bagi makna kata kerja yang diwakilinya.</p>	<p>Kata kerja memberi makna biasa seandainya tidak disertai dengan <i>maf'ul mutlaq</i> atau makna seumpamanya.</p>
<p>Satu perkataan <i>ism fi'l</i> sudah menggambarkan penegasan makna yang diingini.</p>	<p>Kata kerja memerlukan kepada satu perkataan yang lain atau penambahan fonem untuk menggambarkan penegasan makna yang diingini.</p>

Dalam ayat yang terdapat <i>ism fi'l</i> , selepas <i>fa' sababiyat, fi'l mudari'</i> tidak diakusatifkan sebaliknya dijusifkan.	Selepas <i>fa' sababiyat, fi'l mudari'</i> diakusatifkan.
Pola <i>ism fi'l</i> selalunya tidak berubah sekalipun terdapat perbezaan dari aspek gender dan kuantiti.	Pola kata kerja selalunya berubah mengikut gender, kuantiti dan masa.
Ism <i>fi'l</i> tidak boleh diselit dengan fonem <i>nun tawkid</i> pada akhirnya.	Berbeza dengan <i>ism fi'l</i> , kata kerja boleh dimasukkan fonem <i>nun tawkid</i> .

## 2.8 Penutup

Keseluruhan bab ini membincangkan tentang jenis kata dalam bahasa Arab secara umum manakala *ism fi'l* disentuh secara khusus untuk mendapatkan gambaran yang lebih dekat terhadap kajian yang dilakukan. Penulis banyak memberikan contoh sama ada syair ataupun sajak memandangkan penggunaan *ism fi'l* begitu meluas pada situasi tersebut tambahan pula, jenis *ism fi'l* yang digunakan adalah pelbagai.

Melalui bab ini, dapat difahami bahawa *ism fi'l* termasuk jenis kata dalam bahasa Arab selain kata kerja dan kata nama serta mempunyai fungsinya yang tersendiri berbeza dengan kata nama dan kata kerja.